



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR

**KERATAN AKHBAR
05 JULAI 2019 (JUMAAT)**



**DISEDIAKAN OLEH :
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT**



KERATAN AKHBAR 05 JULAI 2019 (JUMAAT)



| | |
|--------------|---|
| AKHBAR | Berita Harian |
| TAJUK BERITA | Seri Paduka hadir Mesyuarat Majlis Raja-Raja ke-254 |
| MUKA SURAT | 2 |



Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah diiringi Dr Mahathir hadir pada Mesyuarat Majlis Raja-Raja Ke-254, di Istana Negara, semalam.

Seri Paduka hadir Mesyuarat Majlis Raja-Raja Ke-254

Kuala Lumpur: Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah semalam berangkat menghadiri hari kedua Mesyuarat Majlis Raja-Raja Ke-254 di Istana Negara, di sini, semalam.

Keberangkatan Seri Paduka ke mesyuarat yang bermula kelmarin dan dipengerusikan Sultan Se-

langor, Sultan Sharafuddin Idris Shah itu, diiringi Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Yang turut hadir, Raja-raja Melayu kecuali Kelantan yang diwakili Tengku Mahkota Kelantan, Tengku Dr Muhammad Faiz Petra Sultan Ismail Petra dan Pahang yang diwakili Tengku Muda Pahang, Tengku Abdul Rahman

Sultan Ahmad Shah.

Raja-Raja Melayu diiringi Menteri Besar masing-masing, manakala Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang, Melaka, Sabah dan Sarawak diiringi Ketua Menteri.

Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja dalam satu kenyataan, memaklumkan mesyuarat disembahkan taklimat mengenai

pertahanan negara oleh Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Zulkifli Zainal Abidin dan aspek keselamatan oleh Ketua Polis Negara, Datuk Seri Abdul Hamid Bador.

Yang turut dibincangkan, perkara mengenai pelantikan Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan, Hakim Besar Mahka-

mah Tinggi di Malaya dan hakim-hakim mahkamah atasan.

Perbincangan pada mesyuarat ke-254 itu juga menyentuh mengenai pelantikan Timbalan Pengerusi dan ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran serta perkara mengenai Islam.

BERNAMA



KERATAN AKHBAR 05 JULAI 2019 (JUMAAT)



| | |
|--------------|-----------------------------|
| AKHBAR | BERITA HARIAN |
| TAJUK BERITA | Jalan Semangat ditukar nama |
| MUKA SURAT | 58 |

Jalan Semangat ditukar nama

Penamaan semula harga jasa, bakti mendiang Khoo Kay Kim kepada negara

Oleh Ruwaida Md Zain
bhnews@bh.com.my

Shah Alam: Jalan Semangat di Petaling Jaya, dinamakan semula dengan nama Jalan Profesor Khoo Kay Kim, sebagai menghargai jasa dan bakti mendiang kepada negara.

Menteri Besar Selangor, Amirudin Shari berkata, penamaan semula nama jalan itu dibuat selepas mendapat perkenan Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah, berkuatkuasa serta-merta.

"Ia sebagai mengenang jasa dan ketokohan Profesor Khoo Kay Kim yang menghembuskan nafas terakhir di Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) pada 28

Mei lalu.

"Pemergian mendiang meninggalkan legasinya sebagai seorang nasionalis dan patriot khususnya pembabitan beliau dalam merangka Rukun Negara, sebagai suatu usaha mengembalikan keharmonian negara selepas peristiwa 13 Mei 1969," katanya dalam satu kenyataan, di sini, semalam.

Amirudin berkata, sebagai seorang sarjana sejarah, sumbangan besar Kay Kim adalah dalam pembentukan historiografi Malaysia pada abad ke-19.

"Karya utama mendiang seperti *The Western Malay States 1850-1873: The Effects of Commercial Development on Malay Politics* menjadi kanun dalam penulisan sejarah Malaysia.

"Mendiang juga seorang intelektual awam yang aktif memberikan pandangan mengenai politik serta isu berkaitan pembinaan negara bangsa dan juga bidang yang diminatinya iaitu sukan bola sepak," katanya.

Mengulas lanjut, Amirudin berkata, kerajaan negeri juga menetapkan bahawa semua papan tanda jalan di Selangor akan menggunakan bahasa Melayu sahaja.



Jalan Semangat di Petaling Jaya, dinamakan semula dengan nama Jalan Professor Khoo Kay Kim berkuat kuasa serta-merta selepas mendapat perkenan Sultan Sharafuddin Idris Shah.
(Foto Syarafiq Abd Samad/BH)

"Ini selaras dengan perkara 152 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Bahasa Kebangsaan 1963/1967.

"Perihal ini turut mendapat perhatian Tuanku yang memberi titah dan nasihat agar Kerajaan Selangor memartabatkan bahasa

Melayu dengan menetapkan hanya bahasa Melayu digunakan dalam papan tanda rasmi kerajaan negeri, termasuk pihak berkuasa tempatan.

"Pendirian kerajaan adalah selaras dengan komitmen Pakatan Harapan (PH) yang komited mem-

pertahankan beberapa teras utama perlembagaan seperti kedudukan raja-raja Melayu, hak istimewa orang Melayu.

"Islam sebagai agama rasmi Persekutuan dan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan," katanya.



KERATAN AKHBAR 05 JULAI 2019 (JUMAAT)



| | |
|--------------|--|
| AKHBAR | BERITA HARIAN |
| TAJUK BERITA | Impian SMK Seksyen 19 miliki padang tercapai |
| MUKA SURAT | 58 |

Impian SMK Seksyen 19 miliki padang tercapai

Shah Alam: Selepas 25 tahun menggunakan padang tidak sempurna sehingga terpaksa meminjam padang Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) atau menyewa padang sekolah lain, akhirnya impian Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Seksyen 19 memiliki padang sendiri tercapai.

Namun, ia masih sukar dicapai seandainya tiada pihak yang sudi membantu kerana kos menaik taraf padang sekolah memerlukan perbelanjaan tinggi.

Menteri Wilayah Persekutuan, Khalid Samad, berkata usaha tanggungjawab sosial korporat (CSR) Ekovest Berhad yang memilih sekolah itu tepat pada masanya kerana pencapaian sukan ragbi dan bola sepak mencapai banyak kecemerlangan walaupun keadaan padang sekolah yang tidak sempurna.

"Saya harap dengan adanya padang baharu yang berkualiti ini, pelajar dan guru dapat memanfaatkannya, lebih bersemangat dalam meningkatkan kejayaan dalam bidang sukan, ko-

kurikulum dan juga prestasi akademik keseluruhan dan sekolah.

"Syabas kepada Ekovest Berhad yang terbabit secara langsung dalam menaik taraf padang sekolah ini, usaha ini wajar dicontohi syarikat korporat lain sebagai satu tanggungjawab sosial," katanya selepas Majlis Perasmian Padang SMK Seksyen 19, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Pengarah Urusan Ekovest Ber-

had, Tan Sri Lim Keng Cheng; Pengetua SMK Seksyen 19, Putri Roslawati Hashim, dan Yang Dipertua Persatuan Ibu Bapa Guru (PIBG), Hashim Anang.

Khalid berkata, kerajaan sentiasa mengalu-alukan sumbangan berbentuk kewangan, kemahiran, ilmu kepakaran dan pelbagai bentuk sokongan daripada individu perseorangan, syarikat swasta serta badan korporat dalam membantu rakyat.



Khalid diiringi Keng Cheng dan Putri Roslawati pada Majlis Perasmian Padang SMK Seksyen 19, di Shah Alam, semalam. (Foto BERNAMA)



KERATAN AKHBAR 05 JULAI 2019 (JUMAAT)



| | |
|---------------------|---|
| AKHBAR | UTUSAN MALAYSIA |
| TAJUK BERITA | Seri Paduka hadiri Mesyuarat Majlis Raja-Raja ke-254 |
| MUKA SURAT | 3 |

Seri Paduka hadiri Mesyuarat Majlis Raja-Raja Ke-254

KUALA LUMPUR 4 Julai - Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah hari ini berangkat menghadiri hari kedua Mesyuarat Majlis Raja-Raja ke-254 di Istana Negara di sini.

Keberangkatan Seri Paduka diiringi Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Mesyuarat yang bermula semalam itu dipengerusikan Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah.

Turut berangkat hadir raja-raja Melayu kecuali Kelantan yang diwakili Tengku Mahkota Kelantan, Tengku Dr. Muhammad Faiz Petra Sultan Ismail Petra dan Pahang diwakili Tengku Muda Pahang, Tengku Abdul Rahman Sultan Ahmad Shah.

Mesyuarat turut disertai Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang, Melaka, Sabah dan Sarawak.

Raja-raja Melayu diiringi Menteri Besar masing-masing manakala Yang Dipertua Negeri diiringi Ketua-Ketua Menteri.

Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja dalam satu kenyataan memaklumkan, mesyuarat telah disembahkan taklimat mengenai pertahanan negara oleh Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Zulkifli Zainal Abidin.

Soal keselamatan negara pula diperjelas oleh Ketua Polis Negara, Datuk Seri Abdul Hamid



AL-SULTAN ABDULLAH RI'AYATUDDIN AL-MUSTAFA BILLAH SHAH (tiga dari kiri) berangkat tiba di Istana Negara bagi menghadiri Mesyuarat Majlis Raja-Raja Ke-254, semalam. Turut hadir Dr. Mahathir Mohamad. - BERNAMA

Badar.

Turut dibincangkan ialah perkara mengenai pelantikan Ketua Hakim Negara Mahkamah

Persekutuan, Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Malaya dan hakim-hakim Mahkamah Atasan. Perbincangan pada Mesyua-

rat Majlis Raja-Raja Ke-254 juga menyentuh tentang pelantikan Timbalan Pengerusi dan ahli-ahli Suruhanjaya Perkhidmatan

Awam, pelantikan ahli-ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran serta perkara mengenai agama Islam. - BERNAMA



KERATAN AKHBAR 05 JULAI 2019 (JUMAAT)



| | |
|--------------|--|
| AKHBAR | UTUSAN MALAYSIA |
| TAJUK BERITA | Nama Khoo kay Kim diabadikan pada nama jalan |
| MUKA SURAT | 4 |

Nama Khoo Kay Kim diabadikan pada nama jalan



KHOO KAY KIM

SHAH ALAM 4 Julai - Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah berkenan untuk menamakan semula Jalan Semangat di Petaling Jaya dekat sini, kepada nama Jalan Profesor Khoo Kay Kim.

Pertukaran itu sebagai mengenang segala jasa dan bakti Prof. Emeritus Tan Sri Dr. Khoo Kay Kim ketika hayatnya, yang merupakan tokoh sejarawan tersohor tanah air.

Menteri Besar Selangor, Amirudin Shari berkata, mendiang meninggalkan legasinya sebagai seorang nasionalis dan patriot khususnya dalam merangka Rukun Negara, sebagai suatu usaha mengembalikan keharmonian negara pasca peristiwa 13 Mei 1969.

"Sebagai seorang sarjana sejarah, sumbangan besar mendiang adalah dalam pembentukan historiografi Malaysia pada

abad ke-19.

"Karya-karya utama mendiang seperti *The Western Malay States 1850-1873: The Effects of Commercial Development on Malay Politics* telah menjadi kanun dalam penulisan sejarah Malaysia," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Kay Kim meninggal dunia pada usia 82 tahun, pada 28 Mei lalu di Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) akibat jangkitan

tan kuman pada paru-paru.

Dalam pada itu, Amirudin memberitahu, di samping tugas mendiang sebagai sarjana di Universiti Malaya, Khoo juga adalah seorang intelektual awam.

"Mendiang terlibat aktif dalam memberikan pandangan tentang politik dan isu-isu berkaitan pembinaan negara bangsa dan juga bidang yang sangat diminati sejarawan itu iaitu sukan bola sepak," ujarnya.



KERATAN AKHBAR 05 JULAI 2019 (JUMAAT)



| | |
|--------------|--|
| AKHBAR | UTUSAN MALAYSIA |
| TAJUK BERITA | Utamakan perkara 152; Amirudin pamer karektor pemimpin |
| MUKA SURAT | 4 |

ANALISIS

Oleh MOHD. ASRON MUSTAPHA

Utamakan Perkara 152: Amirudin pamer karektor pemimpin

MENJADI pemimpin memerlukan keberanian, selain kepintaran dan bebas daripada salah laku moral. Keberanian tidak boleh dibuat-buat. Ia sikap lazim seseorang individu biarpun dalam keadaan tertentu keberanian itu boleh dibentuk tetapi jika dibuat-buat, mudah sangat terlihat 'canggungnya'.

Lebih-lebih lagi untuk mengambil ketetapan baharu bagi membatalkan keputusan kepimpinan terdahulu. Semua itu tidak mudah dan ditambah lagi dengan persekitaran politik semasa tanah air. Orang muda kata, kalau tidak mengikut arus, tak 'seksis'. Jadi untuk menjelmakan perkara itu ia menuntut keberanian politik.

Ini kerana dalam Malaysia baharu ini, jika ada pemimpin kerajaan yang tampil mengambil pendirian melaksanakan (bukan sekadar cakap politik) Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan dalam urusan rasmi, ia dilihat tidak 'trendy' kerana sekarang ini banyak pihak gemar menggunakan dwi atau tiga bahasa.

Walhal, Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan dengan jelas menyebut bahasa Melayu adalah bahasa rasmi negara. Ia bererti semua urusan rasmi kerajaan mesti menggunakan bahasa Melayu dan tidak boleh selainnya meskipun dengan sifat dwibahasa, atas apa alasan sekali pun.

Jadi apabila Menteri Besar Selangor, Amirudin Shari melalui mesyuarat Exco memutuskan berkuat kuasa serta-merta, hanya bahasa Melayu sahaja boleh digunakan untuk papan tanda jalan di negeri ini, susulan isu di Tanjong Sepat, sekali gus mengetepikan keputusan

kepemimpinan terdahulu pada 2016, membuktikan beliau ada keberanian.

Ketika mana, pada 2016, di bawah kepimpinan terdahulu, kerajaan negeri akur kepada tekanan politik atau dengan kata lain mahu beli jiwa kelompok pengundi tertentu, Amirudin tampil menegaskan yang keputusan kerajaan pimpinannya hari ini adalah berasaskan Perkara 152 dan Akta Bahasa Kebangsaan.

Pada masa yang sama juga, ia memberikan mesej kepada rakyat bahawa kepemimpinannya saling bergandingan dengan istana, sementara isu papan tanda jalan dalam bahasa selain Melayu juga sudah dititahkan Sultan Sharafuddin Idris Shah pada November 2018 lalu.

Kini ketetapan baharu sudah dibuat dan rakyat mahu melihat kepada pelaksanaannya pula. Pihak berkuasa tempatan (PBT) selaku badan pelaksana harus bertanggungjawab dalam hal ini dan diharapkan tidak berulang drama 'bangau oh bangau' apabila munculnya isu berkait bahasa ini.

Kepada Amirudin pula, keberkesanan seorang pemimpin itu dinilai bukan hanya dari sudut kejayaan negeri atau menangi pilihan raya semata-mata, ia turut diukur dengan mengambil kira kemampuan pemimpin tersebut membuat keputusan tepat.

Setidak-tidaknya, apabila Kerajaan Negeri Selangor mewajibkan hanya bahasa Melayu sahaja digunakan untuk urusan rasmi dan papan tanda jalan, ia menyelesaikan polemik isu bahasa ini secara muktamad.

| | |
|--------------|--------------------------------|
| AKHBAR | UTUSAN MALAYSIA |
| TAJUK BERITA | Hanya Bahasa Melayu dibenarkan |
| MUKA SURAT | 4 |

Tiada lagi papan tanda jalan dwibahasa di Selangor

Hanya bahasa Melayu dibenarkan

Oleh MOHD. ASRON MUSTAPHA
pengarang@utusan.com.my

■ SHAH ALAM 4 JULAI

BERKUATKUASA serta-merta semua papan tanda jalan di Selangor hanya boleh menggunakan satu bahasa sahaja, iaitu bahasa Melayu selaku bahasa kebangsaan dan semua papan tanda jalan dwibahasa perlu diturunkan serta ditukarkan.

Keputusan dan arahan itu dibuat Menteri Besar, Amirudin Shari, hari ini, tiga minggu selepas *Utusan Malaysia* melaporkan apa sudah jadi dengan titah Sultan Sharafuddin Idris Shah apabila papan tanda jalan di Tanjong Sepat, menggunakan dwi bahasa.

Jelas Amirudin dalam kenyataannya, keputusan kerajaan negeri yang dibuat melalui mesyuarat Exco bagi membatal keputusan Exco pada 2016 itu, selaras dengan Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan serta Akta Bahasa Kebangsaan 1963/1967.

Pada masa yang sama, jelas beliau, keputusan tersebut bertepatan dengan titah serta nasihat Sultan Selangor agar kerajaan negeri memartabatkan bahasa Melayu.

"Kerajaan negeri menetapkan bahawa semua papan tanda jalan di Selangor akan menggunakan bahasa Melayu sahaja. Ini selaras dengan Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Bahasa Kebangsaan 1963/1967.

"Perihal ini turut mendapat perhatian Tuanku yang telah memberi titah dan nasihat agar kerajaan negeri memartabatkan bahasa Melayu dengan menetapkan hanya bahasa Melayu dalam papan tanda rasmi kera-



Papan tanda dengan penambaran dan nama jalan (Shari) di Tanjong Sepat ini adalah antara banyak yang masih menggunakan tulisan Cina di Kuala Langat, Selangor.

Penggunaan bahasa Cina masih berleluasa

Ingkari titah Sultan Selangor?

UMSAL: Numan, tumbuk perogulan apabila titah terpaksa ke arah Kuala Langat pada minggu lepas. Keratan Utusan Malaysia 18 Jun 2019.



"Kerajaan negeri menetapkan bahawa semua papan tanda jalan di Selangor akan menggunakan bahasa Melayu sahaja."

AMIRUDIN SHARI

jaan negeri termasuk pihak berkuasa tempatan (PBT)," katanya.

Pada 17 Jun lalu, *Utusan Malaysia* melaporkan papan tanda jalan di Tanjong Sepat masih

menggunakan dwi bahasa walaupun Sultan Sharafuddin sudah menitahkan pada November 2018 iaitu hanya bahasa Melayu sahaja boleh digunakan susulan kes di Shah Alam.

Ekoran laporan itu, Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) tampil menafikan yang PBT berkenaan ingkar titah Sultan Selangor, sebaliknya memberitahu perkara tersebut diputuskan kerajaan negeri pada 2016 dan mereka cuma melaksanakan arahan.

Mengulas keputusan dan arahan terbaharu itu, Amirudin dalam kenyataan sama menjelaskan ia juga selaras dengan komitmen Pakatan Harapan (PH) dalam mempertahankan beberapa teras utama dalam Perlembagaan.

"Pendirian ini adalah selaras dengan komitmen PH mempertahankan perkara seperti kedudukan Raja-Raja Melayu, hak keistimewaan orang Melayu, Islam sebagai agama rasmi Persekutuan dan bahasa Melayu sebagai bahasa Kebangsaan," jelasnya.



KERATAN AKHBAR 05 JULAI 2019 (JUMAAT)



| | |
|--------------|---|
| AKHBAR | UTUSAN MALAYSIA |
| TAJUK BERITA | Beberapa laluan di Shah Alam ditutup esok |
| MUKA SURAT | 46 |

Beberapa laluan di Shah Alam ditutup esok

KUALA LUMPUR 4 Julai - Beberapa jalan utama di sekitar Shah Alam akan ditutup bagi melancarkan program Selangor Criterium Series yang akan berlangsung Sabtu ini.

Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) dalam laman web rasminya memaklumkan, penutupan laluan yang akan bermula pada pukul 6 pagi hingga 2.30 petang itu

melibatkan Jalan Persiaran Tasik, Jalan Persiaran Dato Menteri dan Persiaran Masjid.

“Kami memohon maaf di atas sebarang kesulitan yang dihadapi dan berharap orang ramai dapat mematuhi sebarang perubahan lalu lintas pada hari berkenaan,” katanya dalam satu kenyataan di sini.



KERATAN AKHBAR 05 JULAI 2019 (JUMAAT)



| | |
|--------------|-----------------------------------|
| AKHBAR | THE STAR |
| TAJUK BERITA | King attends Conference of Rulers |
| MUKA SURAT | 4 |

King attends Conference of Rulers

KUALA LUMPUR: The Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah, attended the 254th meeting of the Conference of Rulers at Istana Negara on the second day.

His Majesty was accompanied by Prime Minister Tun Dr Mahathir Mohamad during the meeting. It was chaired by the Sultan of Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah.

All the Malay Rulers, except the Sultans of Kelantan and Pahang, attended the meeting yesterday.

Kelantan was represented by the Tengku Mahkota of Kelantan Tengku Dr Muhammad Faiz Petra Sultan Ismail Petra and Pahang by the Tengku Muda of Pahang Tengku Abdul Rahman Sultan Ahmad Shah.

The Yang di-Pertua Negeri of Penang, Melaka, Sabah and Sarawak also attended the meeting.

The Malay Rulers were accompanied by the respective Mentris Besar and the Yang di-Pertua Negeri by the respective chief ministers.

On Wednesday, before the meeting convened, Sultan Sharafuddin took the salute before an inaugural guard of honour at the main square of Istana Negara.

The introduction of the guard of honour, mounted by three officers and 103 men of the 1st Battalion



Royal affairs: Sultan Abdullah discussing important matters with Dr Mahathir during the Conference of Rulers held at the Istana Negara in Kuala Lumpur. — Bernama

Royal Malay Regiment, is the initiative of the Yang di-Pertuan Agong.

The Office of the Keeper of the Rulers' Seal said in a statement that Chief of Defence Forces Jeneral Tan Sri Zulkifli Zainal Abidin briefed the meeting on national defence and Inspector-General of Police Datuk Seri Abdul Hamid Bador gave a

briefing on national security.

The meeting also discussed matters regarding the appointment of the Chief Justice of the Federal Court, Chief Judge of Malaya and judges of the superior courts, the statement said.

It said the meeting also discussed the appointment of the deputy

chairman and members of the Public Service Commission, the appointment of members of the Education Service Commission and matters associated with Islam.

Earlier on Tuesday, the Malay Rulers advised the people to immediately stop the spreading of defamatory and unconfirmed news for fear that it will undermine the nation's harmony and well-being.

They view with grave concern the widespread hurling of slanderous remarks among the people of late, said a statement of the Conference of Rulers issued by the Keeper of the Rulers' Seal Tan Sri Syed Danial Syed Ahmad.

"The act of exchanging defamatory statements and the public display of hatred seem to have become a culture in society right now.

"It is most feared that this defamation that triggers disputes will worsen, unless it is contained and controlled, and cause anxiety among the people," the statement said.

It said that the pre-council meeting of the Malay Rulers on the eve of the meeting of the Conference of Rulers had in-depth discussions on, among others, issues relating to the unity, harmony and well-being of the people of various races in the country. — Bernama



KERATAN AKHBAR 05 JULAI 2019 (JUMAAT)



| | |
|--------------|------------|
| AKHBAR | STAR METRO |
| TAJUK BERITA | Stamp fair |
| MUKA SURAT | 2 |

STAMP FAIR

Philatelic Society of Malaysia will be organising a stamp fair tomorrow and Sunday at the MBPJ Community Library in Section 3, Petaling Jaya, from 9.30am to 5.30pm. There will be a display of competitive philatelic exhibits and others. Stamp dealers with Malaysia/Malaya, foreign and thematic stamps, first day covers and other philatelic items will be present. Entrance is free. For details, call 012-604 3563 (Maniam) or 012-679 7931 (Wong).

| | |
|--------------|----------------------------|
| AKHBAR | STAR METRO |
| TAJUK BERITA | Education extends outdoors |
| MUKA SURAT | 2 |

Education extends outdoors

From rearing crayfish for money to planting herb gardens, students in Hulu Langat district are embracing experiential learning

Story and photos by GRACE CHEN
gracechen@thestar.com.my

THE latest buzz concerning the national school curriculum is a suggestion by Agriculture and Agro-based Industry Minister Datuk Salahuddin Ayub for Agricultural Science to be introduced in all primary and secondary schools.

Currently offered as an elective SPM subject to select schools, questions are now being raised over the availability of capable teachers and how it can be integrated into the current syllabus.

Maths and Science teacher Zully Rahimie Zulkifli, who teaches at SK Ulu Semenyih, said the ability of a primary school to offer the subject would depend on its existing practices for active learning.

"Three years ago, the former principal set up a herb garden and mini zoo at the school with fish, birds and chickens to integrate with Science chapters about plants and animals so pupils could see and experience what was being taught," said Zully.

Teachers were assigned to take charge of maintaining the mini zoo and herb garden with the help of pupils. But it was not all plain sailing. At first, all the chickens died.

Some birds, after flapping into the fish pond to cool off, drowned. But the teachers soldiered on and the children learnt basic lessons in animal and plant care.

Seeing how the pupils have also learnt patience, responsibility and empathy for animals from the herb garden and mini zoo, the primary school agreed to take part in a pilot RM3,000 Australian freshwater



Students working at the fertigation shed in SMK Bandar Baru Sungai Long. Fertigation is an agricultural technique that maximises crop yield through controlled application of water and fertilisers.

crayfish rearing project sponsored by Kajang Municipal Council (MPKJ) this year.

Using a scaled-down, self-made aquaponic system which combines conventional aquaculture with hydroponics in a symbiotic environment, it was built upon the advice of the crayfish fry supplier.

To help the project along, Zully spent RM1,000 of his own money to

instal an oxygen supply system.

The main goal remains rooted in education but MPKJ councillor Rawiyah Zakaria suggested it could be one way of exposing rural pupils to new entrepreneurship possibilities when she proposed it to the school last year.

As the project is still new, the crayfish supplier has given the school a two-week guarantee. Once

the crustaceans start breeding, the supplier will buy the fries from the school. With this arrangement, the school is hoping the project would pay for itself.

Five boys, from Year Four and Five, have been assigned to look after the school's 40 crayfish.

Zully chose them because they live nearby and can feed the crayfish on weekends.

| | |
|--------------|----------------------------|
| AKHBAR | STAR METRO |
| TAJUK BERITA | Education extends outdoors |
| MUKA SURAT | 3 |

SK Ulu Semenyih agreed to take part in a pilot RM3,000 Australian freshwater crayfish rearing project sponsored by MPKJ and headed by Maths and Science teacher Zully Rahimie Zulkifli.



Hands-on learning

At SMK Bandar Baru Sungai Long where Agriculture is offered as an elective subject for SPM, goats, chickens, padi patches, a mushroom farm plus a plethora of herbs and interesting plants like cocoa and noni can be found within the school compound.

"The students enjoy coming to school because of this," said principal Zaitun Ibrahim.

And no, not once has there been a case of animal abuse by students at the school, she confirmed.

Included in the school's "living laboratory" is a fertigation system, built from the budget allocated by the Education Ministry (MOE). (Fertigation is an agricultural technique that maximises crop yield through controlled application of water and fertilisers within a system.)

There are also two aquaponic sets and a hydroponic kit that uses the latest in nutrient film techniques given by the Malaysian Agricultural Research and Development Institute (MARDI).

A new quail coop supported by the school cooperative is in the works.

Though immensely beneficial to students, Zaitun pointed out that the experiential method of learning is not cheap to maintain.

"We have 110 students in Forms Four and Five taking Agriculture. We are only given an allocation of RM35 per head by MOE. In truth, we need close to RM20,000 yearly," said Zaitun.

Maintenance takes up a big chunk of expenses.

Zaitun said for now the school cooperative was paying for the goat feed and mushroom fertiliser with proceeds from meat and produce sales.

But she has to look for funds to replace the rain shelter for the fertigation shed and the upgrading of waste irrigation for the goat pen. She foresees complications for the latter as ruminant animals are no longer covered in the new syllabus.

However, the subject teacher, Bahador Kamis, has grown fond of the billy goat and would be heartbroken if anything were to happen to it.

So for now, Zaitun is hoping the school committee will consider adopting it as the school mascot.

Skills for students

Subjects that emphasise experiential learning come with challenges but it would be a pity for the students if schools are not willing to try, said Hulu Langat District Education Office technical and vocational assistant officer Mohd Fitri Omar@Ismail.

He explained that Agriculture was the rebranded name for Agricultural Science when changes to the national syllabus were made in 2017.

Of 39 secondary schools in the Hulu Langat district, he said SMK Bandar Baru Sungai Long was the only school offering Agriculture as an SPM elective.

However, Fitri said schools not offering the subject had taken their own initiative to start similar projects within their grounds.

"SK Ulu Semenyih, for example, was chosen for our pilot yabby farming project because many of their pupils are Orang Asli who are used to nature. So chances of the project doing well are high.

"SMK Khir Johari in Beranang does not offer the Agriculture subject but they have a *kelulut* (stingless) bee farm supported by the



Fitri showing the hydroponic wall of plants at SMK Bandar Baru Sungai Long.

school cooperative, sustained with sales of *kelulut* honey.

"Even SMK Bukit Jalil in Kuala Lumpur, a secondary school located in the suburbs, has a farm. Students built their own aquaponic system following the Rekabentuk and Teknologi syllabus, a subject introduced in 2014. It starts at Year Four and is taught until Form 3," said Fitri.

He added that should Agriculture Science be taught in schools, it would bring back the fun in learning.

"Not only will our younger generation gain from having special skill sets, but they will also learn how to generate marketable products from nature, creating a sustainable and renewable cycle in the process," Fitri said.



Zaitun has 110 Form Four and Five students taking Agriculture as an elective subject. Here, she shows the grape plants from the students' fertigation project.



KERATAN AKHBAR 05 JULAI 2019 (JUMAAT)



| | |
|--------------|---|
| AKHBAR | STAR METRO |
| TAJUK BERITA | Taman Saga drainage upgraded with Marris fund |
| MUKA SURAT | 4 |



Lai (fourth from left) at the Taman Saga drainage project site in Ampang Jaya, Selangor. With him is Abdul Razak (second from left).

Taman Saga drainage upgraded with Marris fund

By FATIN IZZATI
metro@thestar.com.my

THE drainage near Saga Hill in Taman Saga is being upgraded using money from the Malaysian Road Records Information System (Marris) fund.

About RM340,000 had been allocated to upgrade the 550m drainage along Jalan Taman Saga, said Teratai assemblyman Bryan Lai.

"The Marris fund can now be used to upgrade roads, bridges and drains due to the new policy.

"As such, I suggested that Ampang Jaya Municipal Council (MPAJ) allocate some of the funding for drainage repairs here," said Lai.

Apart from Taman Saga, drainage upgrading works were also taking place in Pandan Perdana, Bukit Pandan and Damai Putra.

"Nearly RM2.2mil has been channelled to these four locations," he said.

Taman Saga Rukun Tetangga chairman Abdul Razak A. Rahman

said the almost 30-year-old V-shaped drains were replaced with U-shaped drains.

"The common problems here are water overflow and mudflows during rainy days and drain blockage caused by boulders or fallen branches," he said.

The project, which started in the middle of May, was also implemented to reduce mudflow incidents, as part of the Sungai Besi-Ulu Klang Elevated Expressway (Suke) was being built in Taman Saga.

Abdul Razak said a team of residents was monitoring the construction of the highway as certain houses had been affected by mudflows caused by the project.

In addition, Lai visited the silt traps at the construction site with a consultant. "We have visited three silt traps and found that they were in good condition.

"The occurrence of mudflow has decreased and I have requested that the silt traps be monitored and maintenance kept to a schedule," he said.



KERATAN AKHBAR 05 JULAI 2019 (JUMAAT)



| | |
|--------------|---------------------|
| AKHBAR | THE STAR |
| TAJUK BERITA | Put the blame on us |
| MUKA SURAT | 43 |

Put the blame on us

No defence if PKNS lose focus again in last three matches

By T. AVINESHWARAN

PETALING JAYA: PKNS need to tighten their rear if they hope to finish in the top five of the Super League.

In the first six matches of the season, PKNS had the best defensive record - conceding only two goals.

But their last six games were a calamity as the Red Ants let in a whopping 14 goals.

And that has irked coach Datuk K. Rajagopal who has repeatedly told his players not to lose focus.

With just four matches left, centreback Rodney Akwensivie has urged his teammates to heed the coach's instruction.

"It's time we make a strong finish to our season and we have to start today against Terengganu," said the Sarawakian.

In their last three matches, they lost to bottom side Felda United 5-4, Kedah 3-2 and drew with PKNP 2-2.

One would blame these poor results on the club's uncertainty of playing in the Super League next season.

Selangor Menteri Besar Amirudin Shari has hinted that PKNS could be turned into a feeder club for Selangor next year. If this happens, they would ply their trade in the Premier League.

But Akwensivie dispelled that notion.

"It's all our own doing. The uncertainty is not the cause of our poor form. We've been lackadaisical in



Our own doing: Rodney Akwensivie (second from right) said PKNS have been lackadaisical in defence. — Bernama

defence and our tactical discipline has been mediocre at times.

"The coach is not at fault because we know his calibre. He is an astute tactician and demands technical and tactical discipline in every match.

"Sometimes, we wilted in front of

our opponents. That has to stop. We will do whatever it takes to gain maximum points in our home game against Terengganu.

"Training is going well and we might see the return of Nick (Nicholas Swirad) to beef up our defence."

PKNS are eighth with 20 points and will need to win all their matches to stand a chance of finishing in the top five.

Their last three matches are against Pahang (away, July 9), Melaka (away, July 14) and Selangor (home, July 21).



KERATAN AKHBAR 05 JULAI 2019 (JUMAAT)



| | |
|--------------|---|
| AKHBAR | KOSMO! |
| TAJUK BERITA | Agong berangkat hadir Mesyuarat Majlis Raja-raja ke-254 |
| MUKA SURAT | 4 |

Agong berangkat hadir Mesyuarat Majlis Raja-raja ke-254

Kosmo (4)

KUALA LUMPUR - Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah semalam berkenan berangkat menghadiri hari kedua Mesyuarat Majlis Raja-Raja ke-254 di Istana Negara di sini.

Keberangkatan Seri Paduka diiringi Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Mesyuarat yang bermula kelmarin itu dipengerusi-

kan Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah.

Turut berangkat hadir Raja-raja Melayu kecuali Kelantan yang diwakili Tengku Mahkota Kelantan, Tengku Dr. Muhammad Faiz Petra Sultan Ismail Petra dan Pahang diwakili Tengku Muda Pahang, Tengku Abdul Rahman Sultan Ahmad Shah.

Mesyuarat turut disertai Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang, Melaka, Sabah dan

Sarawak.

Raja-Raja Melayu diiringi Menteri Besar masing-masing manakala Yang Dipertua Negeri diiringi Ketua-Ketua Menteri. - Bernama

AL-SULTAN Abdullah (tiga, kiri) berangkat tiba di Istana Negara bagi menghadiri Mesyuarat Majlis Raja-Raja ke-254 semalam yang turut dihadiri Perdana Menteri, Dr. Mahathir Mohamad (tengah).





KERATAN AKHBAR 05 JULAI 2019 (JUMAAT)



| | |
|--------------|--|
| AKHBAR | SINAR HARIAN |
| TAJUK BERITA | Jalan Semangat ditukar kepada Jalan Professor Khoo Kay Kim |
| MUKA SURAT | 18 |

Jalan Semangat ditukar SINAR (18) kepada Jalan Professor Khoo Kay Kim

SHAH ALAM - Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah berkenan menamakan semula Jalan Semangat di Petaling Jaya kepada Jalan Professor Khoo Kay Kim.

Menteri Besar Selangor, Amirudin Shari dalam satu kenyataan media berkata, ia sebagai mengenang segala jasa tokoh sejarawan negara itu.

Menurutnya, Kay Kim yang meninggal dunia pada 28 Mei lalu merupakan individu penting merangka Rukun Negara dalam usaha mengembalikan keharmonian negara selepas peristiwa 13 Mei 1969.

"Beliau turut menyumbang dalam pembentukan sejarah Malaysia pada

abad 19. Karyanya seperti *The Western Malay States 1850-1873: The Effects of Commercial Development on Malay Politics* menjadi rujukan dalam penulisan sejarah Malaysia.

"Beliau aktif menyumbang pandangan tentang politik, isu berkaitan pembinaan negara dan bangsa serta sukan bola sepak," katanya.

Amirudin berkata, kerajaan negeri juga menetapkan bahawa semua papan tanda jalan di Selangor akan menggunakan Bahasa Melayu sahaja.

"Ia selaras dengan Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Bahasa Kebangsaan 1963/ 1967," katanya.



Jalan Semangat di Petaling Jaya yang bakal dinamakan Jalan Professor Khoo Kay Kim.